

ENGKU Sulwani Engku Ismail cantik dan bijak.

# Doktor atau model?

Seiring dalam mengejar dua bidang yang diminati

Oleh NOOR FAZRINA KAMAL  
Gambar NOORADZRENE MOHD NOR

SUDAH lama saya menyimpan hasrat untuk bertemu dengan gadis yang sering dilihat dalam laman sosial Facebook memperagakan pakaian dari pelbagai butik Muslimah.

Sekali pandang pasti akan menyangka beliau berdarah campuran kerana memiliki seraut wajah yang cukup cantik dan unik.

Akhirnya hasrat disampaikan kepada pemilik nama, Engku Sulwani Engku Ismail, 22, menerusi Facebook, ia terus disusuli dengan pertemuan pertama di Studio Utusan Malaysia.

## Cantik dan pintar

Rupanya, gadis cantik ini bukan sekadar model. Malah dia merupakan pelajar tahun ketiga Program Doktor Perubatan di Universiti Pertanian Malaysia (UPM) Serdang, Selangor.

Ternyata orangnya bukan sahaja cantik malah bijak merencanakan kehidupan demi masa depan.

Kata Engku Sulwani, jadinya memang padat kerana jika tiada kuliah dia akan memenuhi undangan fotografi. Begitulah keadaannya sejak pertama kali menggayakan pakaian untuk sebuah butik Muslimah di Kelantan kira-kira dua tahun lalu.

"Saya masih ingat ketika itu dalam bulan Ramadan. Pada mulanya saya sekadar suka-suka masukkan gambar dalam Facebook. Kemudiannya bermula proses pautan (*tagging*) ke satu akaun Facebook milik kumpulan fotografi dari Kelantan.

"Pada awalnya sekadar suka-suka tapi tak sangka sejak itu banyak pertanyaan dari butik-butik minta saya menggayakan pakaian mereka," jelas gadis yang berasal dari Kota Bharu, Kelantan ini.

Tentunya sebagai pelajar jurusan kedokteran komitmennya lebih dalam fokus terhadap pelajaran.

Bagaimana Engku Sulwani membahagikan masa antara pelajaran

ENGKU SULWANI  
ENGKU ISMAIL

Walau betapa minatnya kita dengan bidang lain, pelajaran itu mesti dijadikan fokus utama dalam hidup. Masa depan lebih utama. Jangan sesekali mengecewakan ibu bapa dan sekali gus menghilangkan keberkatan hidup

dengan minat agar keduanya dapat berjalan seiring?

Kata Engku Sulwani, masa ditentukan oleh diri sendiri dan dia perlu jelas dengan keutamaan dalam hidupnya.

"Hakikatnya saya masih seorang pelajar. Saya perlu menghabiskan pelajaran dan memenuhi hasrat kedua ibu bapa saya.

"Sebagai pelajar perubatan, cabaran memanglah tinggi. Saya perlu pastikan markah yang dikumpul setiap semester tidak terlalu rendah kerana jika rendah maka saya perlu mengulangi semester tersebut sekali lagi.

"Saya amat bersyukur kerana mempunyai ahli keluarga, rakan-rakan dan pensyarah yang sentiasa menyokong setiap apa saya lakukan," kata bekas pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Pengkalan Chepa ini lagi.

Ditanya kenapa memilih bidang perubatan, Engku Sulwani berkata, ia satu kerjaya yang sangat mulia. Malah ibu bapanya sering memberitahu bahawa kerjaya doktor bukan sahaja mendapat pahala di dunia malah di akhirat juga.

"Kakak sulung saya juga seorang doktor. Saya memang menjadikan kakak sebagai idola. Dia berkhidmat di hospital kerajaan kerana mahu membantu lebih ramai pesakit. Saya juga selepas tamat pengajian mahu berkhidmat di hospital kerajaan," cerita gadis yang dikenali sebagai Esul di kalangan rakan-rakannya.

Dia mengakui ramai rakan-rakan mengisik mengatakan kerjaya sebagai doktor tidak mempunyai *life* dan perlu berkorban masa.

Bagi Engku Sulwani dia perlu mencari keseronokan dalam setiap perkara yang dipilih.

"Sekarang saya sudah masuk ke tahun ketiga dan dalam tahun ini saya sudah boleh masuk ke hospital dan memeriksa pesakit.

"Memang sebagai doktor saya perlu mematuhi setiap etika kedokteran. Namun saya secara peribadi mengakui saya sangat bila melihat pesakit menderita dengan penyakit mereka. Tapi saya suka dapat mendekati pesakit, bersembang dengan mereka dan menyelami masalah mereka. Saya yakin itu juga sudah 'selangkah' ke arah penyembuhan pesakit," ujar anak bongsu daripada enam beradik ini lagi.

## Model dan duta

Seperkara menarik tentang Engku Sulwani, dia sangat menjaga bahasa ibundanya. Walau ke mana saja dan dengan siapa saja dia berbicara, dialek ibunda negeri kelahirannya tetap meniti di bibir.

"Mula-mula ibu bapa risau bila saya kata saya mahu aktif dalam bidang modeling. Berkali-kali saya yakinkan mereka modeling minat saya dan saya boleh membahagikan masa.

"Pada saya, modeling umpama terapi setelah penat belajar. Bila stres belajar saya ambil pendekatan bergaya di depan kamera sebagai terapi, jadi apa salahnya bila 'terapi' yang diaplikasi itu juga boleh mendatangkan pendapatan sampingan untuk pelajar macam saya.

"Apabila ada rezeki lebih saya berkongsi dengan ibu bapa saya pula, seronok sangat bila dapat menambah keberkatan rezeki," katanya yang telah memperagakan pakaian daripada lebih 100 buah butik Muslimah di seluruh negara. Lebih menyeronokkan kata Engku Sulwani apabila para pensyarah dan rakan-rakan sekuliah sering bertanya tudung dan pakaian yang pernah diperagakan.

Engku Sulwani pula dengan penuh teruja akan melakukan promosi untuk setiap butik yang pernah digayakan.

"Kalau di UPM saya memang jalankan tanggung jawab sebagai pelajar dan tiada layanan istimewa. Bagi saya tekanan itu datang apabila kita tidak berjaya membahagikan masa dengan sebaiknya dan tekanan juga terhasil bila kita lakukan sesuatu yang kita tidak suka.

"Saya juga sedar pelajaran adalah segalanya dan minat hanya sampingan dan tidak akan berkekalan. Sebab itu saya mengambil kesempatan menasihati adik-adik yang mahukan tip belajar dan menjadi model agar memberi keutamaan pada pelajaran," katanya yang juga merupakan duta sebuah produk kecantikan tempatan.

## Facebook medium utama

"Memang Facebook merubah kehidupan saya, kalau tidak kerana laman sosial tersebut maka saya tidak akan dikenali sebegini.

"Semenjak dikenali saya banyak menerima persoalan menerusi *inbox* daripada adik-adik remaja bertanyakan tentang bagaimana menjadi model dan bagaimana membahagikan masa antara minat dan pelajaran.

"Saya berkongsi tip dengan mereka dan menyelitkan nasihat dengan mengatakan apabila sudah berminat terhadap sesuatu maka kena berusaha mendapatkan dengan menggunakan segala ruang media sosial yang ada dengan berhemah.

"Walaupun betapa minatnya kita dengan bidang lain, pelajaran itu mesti dijadikan fokus utama dalam hidup. Masa depan lebih utama. Jangan sesekali mengecewakan ibu bapa dan sekali gus menghilangkan keberkatan hidup," jelas Engku Sulwani yang boleh dihubungi menerusi emel [engkusulwani@yahoo.com](mailto:engkusulwani@yahoo.com)